



MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)

SOALAN - SOALAN LAZIM (FAQ) PERMOHONAN SECARA DALAM TALIAN (ONLINE APPLICATION) PEMBIAYAAN PERNIAGAAN MARA

1. Bagaimanakah cara untuk memohon?

- Bermula Januari 2021, semua permohonan kemudahan pembiayaan perniagaan MARA hendaklah dibuat secara dalam talian (online application) menerusi portal rasmi Majlis Amanah Rakyat (MARA) <https://www.mara.gov.my/> dengan langkah seperti berikut:

Langkah 1 – Pilih E-Perkhidmatan

Langkah 2 – Pilih MyUsahawan

ATAU

- Terus ke aplikasi permohonan di <https://aplikasi.mara.gov.my/myusahawan/>



MAJLIS
AMANAH RAKYAT



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
LUAR BANDAR

- Pemohon perlu mendaftar terlebih dahulu sebagai pengguna baru di Daftar Masuk Sistem Permohonan Pembiayaan MARA

Syarat-Syarat Pendaftaran dan Permohonan Pembiayaan :

1. No. KP dan nama PEMILIK PERNIAGAAN bagi perniagaan MILIKAN TUNGGAL
2. No. KP dan nama SALAH SEORANG RAKAN KONGSI bagi perniagaan PERKONGSIAN atau PERKONGSIAN LIABITI TERHAD (PLT)
3. No. KP dan nama AHLI LEMBAGA PENGARAH YANG DIBERI KUASA untuk memohon dan menerima pembiayaan berdasarkan resolusi syarikat bagi SYARIKAT SDN. BHD
4. Sila rujuk kepada [Soalan Lazim \(FAQ\)](#) bagi soalan umum permohonan pembiayaan
5. Semua dokumen perlu dihantar kepada Pejabat MARA Daerah (PMD) atau Bahagian Pembiayaan Perniagaan (pembiayaan PRiN dan MISA) dalam tempoh 14 hari daripada tarikh permohonan.
6. Muat turun [Senarai Semak Dokumen](#)

Hakmilik Majlis Amanah Rakyat 2020
Untuk pertanyaan berkaitan pembiayaan dan kemaskini maklumat log masuk pengguna email kepada infobpn@mara.gov.my

2. Siapakah yang boleh membuat permohonan?

Permohonan boleh dibuat oleh:

- Milikan Tunggal – pemilik perniagaan
- Perkongsi/Perkongsi Liabiliti Terhad – salah seorang rakan kongsi
- Syarikat Sdn. Bhd – wakil yang diberi kuasa mengikut resolusi syarikat

3. Berapakah had maksimum atau had pembiayaan yang boleh dimohon?

- Had maksimum/had pembiayaan adalah mengikut skim kemudahan pembiayaan perniagaan seperti berikut:
 - PUTRA - had maksimum adalah sehingga RM10,000.00
 - Skim OKU - had maksimum adalah sehingga RM50,000.00
 - SEMAi - had maksimum adalah sehingga RM50,000.00
 - DanaNita - had maksimum adalah sehingga RM150,000.00



- v. Mobile Business (Food Truck/Karavan) - had maksimum adalah sehingga RM500,000.00
 - vi. SPiM - had maksimum adalah sehingga RM500,000.00
 - vii. SPiM Tekno - had maksimum adalah sehingga RM500,000.00
 - viii. PUTEK - had maksimum adalah sehingga RM500,000.00
 - ix. SPiKE - had maksimum adalah sehingga RM1,000,000.00
 - x. MISA – dari RM500,001.00 sehingga RM1,000,000.00
 - xi. PRiN – dari RM500,001.00 sehingga RM1,000,000.00
- Had maksimum atau had pembiayaan yang boleh dimohon mengikut status perniagaan adalah seperti berikut:
 - i. **Milikan Tunggal/Perkongsian/Perkongsian Liabiti Terhad (PLT)**
 - Had maksimum yang boleh dimohon adalah sehingga RM250,000.00
 - ii. **Syarikat Sdn. Bhd**
 - Had maksimum yang boleh dimohon adalah sehingga RM500,000.00 bagi semua skim kecuali PRiN dan MISA dengan had minimum dari RM500,001.00 hingga maksimum RM1,000,000.00.

4. **Apakah syarat-syarat asas kelayakan permohonan pembiayaan Perniagaan MARA ?**

Syarat-syarat asas kelayakan adalah seperti berikut:

- Warganegara Malaysia dan berstatus Bumiputera;
- Berumur 18-40 (PUTRA), 18-60 tahun, 21-60 untuk PRiN dan MISA dan 18 tahun ke atas untuk SPiKE;



- Berdaftar dengan SSM dan telah beroperasi tidak kurang dari 6 bulan dan lebih dari 12 bulan untuk PRiN dan MISA (Syarikat Sdn.Bhd sahaja)
- Menjalankan Perniagaan Sepenuh Masa
- Perniagaan Patuh Syariah
- Bebas daripada Senarai Hitam MARA

5. Apakah dokumen yang diperlukan bagi permohonan pembiayaan MARA?

- Dokumen yang diperlukan bagi permohonan pembiayaan MARA adalah mengikut Senarai Semak Permohonan Pembiayaan Perniagaan MARA yang boleh didapati di skrin permohonan.
- Semua dokumen perlu dihantar kepada Pejabat MARA Daerah (PMD) atau Bahagian Pembiayaan Perniagaan (permohonan pembiayaan PRiN dan MISA) dalam tempoh 14 hari daripada tarikh permohonan.

6. Adakah saya/wakil syarikat perlu melengkapkan semua maklumat dalam permohonan *online* ?

- Ya, semua maklumat perlu diisi dan dilengkapkan. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.

7. Adakah boleh saya mengemaskini maklumat/permohonan ?

- Ya, maklumat yang telah diisi oleh pemohon secara *online* boleh dikemaskini selagi butang "**Hantar Permohonan**" tidak dipilih.



MALIS
AMANAH RAKYAT



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
LUAR BANDAR

8. Sekiranya saya menghadapi masalah teknikal semasa membuat permohonan, siapakah yang boleh dihubungi?

- Sebarang masalah teknikal boleh di emel kepada admin_myusahawan@mara.gov.my

9. Sekiranya saya ingin mengetahui lebih lanjut mengenai Kemudahan Pembiayaan Perniagaan MARA, siapakah yang boleh saya hubungi?

- Pertanyaan lanjut boleh diemelkan kepada infobpn@mara.gov.my atau menghubungi Bahagian Pembiayaan Perniagaan (BPN) MARA atau Pejabat MARA Daerah (PMD) atau Pejabat MARA Negeri (PMN).

10. Bagaimana saya ingin membuat semakan status permohonan ?

- Status permohonan boleh disemak secara atas talian melalui sistem yang sama atau menghubungi Pejabat MARA Daerah (PMD) melalui emel atau telefon. Nombor telefon dan emel PMD boleh didapati di skrin permohonan.

